

Kampung Bahagia (1960)

Dirujuk oleh

- [Sejarah Awal Bangi](#)

1960: Pembukaan



"Sebelum menjadi sebuah kampung kawasan ini merupakan tempat latihan menembak untuk Polis, Special Constable (SC) dan Home Guard di zaman Darurat. Latihan di sini dijalankan daripada awal Darurat 1948 sehinggalah sekitar tahun 1956. Lokasinya terletak di tanah- tanah lot bertebing di Jalan Aman.

Asalnya tanah Kampung Bahagia Bangi ini adalah sebahagian daripada Hutan Simpan Bangi yang dimohon penduduk Bangi sebagai projek pembesaran kampung selepas Merdeka ketika era pentadbiran Menteri Besar Dato' Abu Bakar Baginda.

Cadangan awal projek pembesaran kampung ini lokasinya adalah ditengah kawasan seberang Stesen Bangi bersempadan dengan Bangi Estate, namun ada sesetengah orang - orang lama kurang setuju bimbang kalau dibuat perkampungan di sana akan mencemarkan kebersihan air Sungai Bangi yang masih banyak digunakan oleh penduduk Bangi sewaktu itu.

Pada tahun 1960 lot - lot tanah di kampung ini telah diserahkan secara rasmi kepada para penduduk yang kebanyakannya berasal dari perkampungan sekitar Bangi. Pak Tapa, Pak Juo, Pak Teramat, Che Lah adalah antara penduduk yang terawal membina rumah mereka di kampung ini. Nenek admin juga merupakan salah seorang penduduk terawal yang menetap di kampung ini sekitar tahun 1962- 63.

Pada tahun ini Kampung Bahagia Bangi genap menyambut ulang tahunnya yang ke 65 tahun sejak ia mula diterokai dan dibangunkan pada 1960 sebagai salah sebuah perkampungan tradisi di Bangi yang aman dan bahagia seperti nama yang diberi dan diniatkan sesuai dengan mood negara kita yang baru mencapai kemerdekaan dan tamatnya era Darurat pada waktu itu.

Foto - sebuah rumah di Jln.Aman Kg.Bahagia Bangi.

catatan ajaizainal Okt. 2025"

(Sumber: Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 10 Oktober 2025: "[Catatan Sejarah Bangi: Kampung Bahagia Bangi](#)").

"Kampung dibuka pada tahun 1960 diatas kawasan hutan simpan yang telah dimohon persatuan penduduk Melayu sekitar Bangi dalam era pentadbiran Menteri Besar Y.A.B Dato' Abu Bakar Baginda." (Faizal Hj Zainal, September 14, 2008:

"Sejarah Bangi").

Balai Raya




"Balai Raya Kampung Bahagia Bangi. Balai Raya lama ini telah dirasmikan oleh MB Dato' Abu Bakar Baginda pada 20 September 1962 yang dihadiri 600 penduduk sekitar Bangi pada waktu itu. Pada majlis itu juga MB Selangor mengumumkan peruntukan untuk membina tiga buah lagi perigi

tambahan dan jalan tar berdekatan Balai Raya untuk penduduk di perkampungan yang baru sahaja di buka pada waktu itu yang terletak di tanah Hutan Simpan Bangi pada tahun 1960.” (Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 28 April 2026: "[Jejak Sejarah Bangi](#)").

1960-an: Perpindahan Mangsa Banjir

Pada awal tahun 1960-an, penduduk dari kawasan lembah di sekitarnya yang dilanda banjir telah berpindah ke kampung ini: “Pada awal 50 tahun dahulu berlaku penghijrahan penduduk kerana banjir dan perkampungan telah dipindahkan di kawasan atas bukit.” (Surau Madrasah Al Hamidiah Kg Bahagia Bangi, December 12, 2017:

"Latar Belakang Sejarah Penubuhan Surau Madrasah Al Hamidiah").



Lokasi Kg Bahagia Bangi di lereng bukit, sesuai untuk pemindahan penduduk kawasan banjir (topographic-map.com).

LATAR PERISTIWA: [Banjir Sekitar Bangi](#)

1972: Penghijrahan Sebahagian Warga Tapak UKM

Pada tahun pengisytiharan tapak UKM pada tahun 1972, penduduk dari beberapa buah kampung di dalam kawasan tapak tersebut pula berhijrah ke kampung ini: “Bahagia adalah merupakan sebuah kampung penempatan semula di mana penduduknya adalah terdiri daripada pemindahan beberapa

buah Kampung yang berhampiran seperti Kg. Bangi, Kg. Sg. Buah dan lain-lain kampung yang berdekatan dengan Sungai Semenyih. Ianya mula dibuka sekitar tahun 1969 pada permulaannya dan tahun 1972 kemudiannya dan merupakan kampung tersusun yang manKampungnya keluasan tanah lebih 60 ekar. Transformasi hakmilik tanah bermula seawal tahun 1972 bila UKM mula di buka dan seterusnya Agensi Nuklear Malaysia (dahulunya PUSPATI) dimana pemilik asal telah menjual kepada pemilik baru kerana permintaan harga yang tinggi. Semua tanah di Kg. Bahagia adalah berstatus rizab Melayu dengan tempoh pajakan selama 90 tahun." (KAMPUNG BAHAGIA BANGI, 1/5/2013:

"Sejarah Kampung Bahagia").

1970-an: Surau Al Hamidiah

Sekitar akhir 1970-an hingga awal 1980-an, sebuah surau dibina di kampung ini, dan dirasmikan pada tahun 1983: "...sekitar 40 tahun dahulu telah terbina sebuah surau madrasah sebelum surau yang baru dibina. Surau dahulu dibina di atas kawasan tanah pajakan. Surau lama juga telah dirasmikan oleh Menteri Besar pada tahun 1959(1983) dan telah didaftarkan pada 25 November 2008. Surau ini juga telah dijalankan pengubahsuaian sebanyak 3 hingga 4 kali. Hal ini demikian kerana keadaan surau lama yang semangkin uzur. Pembinaan surau baru telah dijalankan pada tahun 2015 dan dirasmikan pada pertengahan april tahun 2015. Seterusnya, surau ini telah beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 2016. Walaupun banyak perubahan dari segi reka bentuk struktrur bangunan namun AJK surau masih dikekalkan. Surau ini turut mendapat pengiktirafan enakmen pentdbiran,perudangan islam 1989 (AJK Masjid, Surau) tertakluk MAIJ & JAIS."





Kiri: Surau lama Kg Bahagia Bangi. Kanan: Surau baru (Al Madrasah Al Hamidiah)
(Sumber: Surau Madrasah Al Hamidiah Kg Bahagia Bangi, December 12, 2017:

|
"Latar Belakang Sejarah Penubuhan Surau Madrasah Al Hamidiah").

LATAR PERISTIWA: Surau Al Hamidiah

Catatan Kenangan

Pemandangan





"Dulu (2004) vs Sekarang (2026) - Pandangan dari Kampung Bahagia Bangi ke Southville City (dulunya sebahagian Broome Estate Bangi)." (Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 9 Ogos 2026: "Panorama Bangi").

LATAR PERISTIWA: Broome Estate (1906) -> Southville City (2013)

Padang Bola



Kiri: "Foto ini bukanlah di sebuah kampung di Brazil atau pun di Colombia tapi di sebuah padang bola di Kg.Bahagia Bangi. Pernah heboh pada sekitar awal 80an di era Maradona, Platini dan Zico, berlaku

peristiwa tiang gol di padang ini patah dua akibat rembatan padu oleh seorang pemuda kampung yang handal bermain bola. Kisah ini telah menjadi perbualan hangat suatu masa dulu semasa kami di sekolah rendah....Siapakah 'penendang padu' itu masih lagi menjadi misteri yang belum terjawab sehingga kini." (Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 22 Februari 2025: "[Nostalgia Bangi](#)").

Tengah: "Padang Bola Kampung Bahagia Bangi" (Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 18 Oktober 2025: "[Padang Bola Kampung Bahagia Bangi](#)").

Kanan: "Padang Kampung Bahagia Bangi tahun 2003...ada yang bermain gaya Thierry Henry, ada yang bergaya Riquelme, yang macam Shukor Adan pun ado..." (Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 19 November 2025: "[Nostalgia Bangi](#)").

Blog Kampung: [Kampung Bahagia Bangi](#).

From:

<https://www.bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link:

https://www.bangi.pulasan.my/kg_bahagia?rev=1788822691

Last update: **2026/09/07 23:11**

